



KPWKM  
TEKS UCAPAN

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PROGRAM

PROGRAM VOLUNTEERISM @PAWE:  
BENGKEL KEMAHIRAN ASAS KESUKARELAWANAN

LOKASI / TARikh / MASA

HOTEL ANTS, KANGAR, PERLIS / 9 APRIL 2021 /  
JUMAAT / 10.00 PAGI

## **PENDAHULUAN**

**(salutasi disediakan)**

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh  
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Prihatin

Terima kasih kepada saudara/saudari Pengurus Majlis.

1. Alhamdulillah, segala puji kepada Allah SWT, atas limpah kurnia dan rahmat-Nya, dapat kita berkumpul pada pagi ini, di bumi Perlis Indera Kayangan, negeri saujana yang permai. Saya difahamkan Majlis kita pada pagi ini diadakan secara hibrid. Kita bersemuka di sini, dan turut disaksikan secara maya oleh warga KPWKM dan agensi-agensinya serta para audiens di luar sana yang sudi bersama-sama meluangkan masa di **Majlis Pelancaran Program ‘VolunteerISM@PAWE’**. Sebuah program latihan yang melibatkan kemahiran asas dalam kesukarelawanan.
2. Marilah jua kita bersama-sama memanjatkan doa ke hadrat Ilahi agar wabak ini segera diangkat dan mengembalikan kehidupan kita seperti

sedia kala. Dalam pada itu, dalam apa jua situasi, kita harus sentiasa berusaha menjaga dan memelihara diri dengan mematuhi SOP yang ditetapkan; **Lindungi Diri, Lindungi Semua.** Moga-moga usaha ini diberkati dan kita dapat memutuskan rantaian COVID-19.

## **PENGENALAN KEPADA PROGRAM VOLUNTERISM@PAWE**

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

3. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Institut Sosial Malaysia (ISM) kerana dapat menganjurkan program seumpama ini di bumi bertuah ini. Saya masih ingat pada awal lawatan saya ke agensi ini, berbeza dengan agensi-agensi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan

Masyarakat (KPWKM) yang lain, ISM tidak mempunyai premis latihan di negeri-negeri. Justeru antara yang saya cadangkan untuk ISM lebih giat melaksanakan latihan secara “outreach” agar latihan-latihan dalam bidang sosial ini dapat jua dirasai rakyat di akar umbi.

4. Alhamdulillah **Majlis Pelancaran Program VolunteerISM@PAWE: Bengkel Kemahiran Asas Kesukarelawanan** yang diadakan pada hari ini adalah bukti komitmen ISM dalam memantapkan lagi operasi latihannya, khususnya mengupayakan peranan komuniti untuk membantu Kerajaan dalam aspek pembangunan sosial. Saya percaya ilmu dan kemahiranlah elemen yang paling berguna dan akan bertahan lama berbanding bantuan material sebagaimana yang dinukilkhan oleh Saidina Ali bin Abi Talib, “**Ilmu boleh menjaga kamu, sedangkan harta itu kamu yang menjaganya.**”

5. Paling utama kepada para peserta program yang berjaya menamatkan bengkel kemahiran sukarelawan yang diadakan dari **6 hingga 8 April 2021**. Saya percaya dengan usia ini, bukan mudah untuk menumpukan perhatian kepada pembelajaran. Namun saya dimaklumkan oleh pihak urus setia, tuan-tuan dan puan-puan telah membuktikan semangat yang padu. Memberi sepenuh kerjasama dan bersikap pro aktif sepanjang bengkel berlangsung. **Tahniah dan syabas** saya ucapkan!
  
6. Pada kali ini, ISM telah menerima penglibatan peserta-peserta **dari dua (2) buah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)** iaitu PAWE Durani, Alor Sena, Beseri; dan PAWE Jejawi, Kangar. Pelaksanaan program ini akan dilaksanakan mengikut zon. Perlis adalah **negeri pertama** yang dipilih

mewakili **Zon Utara**. Insya Allah latihan seumpama ini akan menyusuli negeri-negeri lain pula.

7. Pada masa yang sama, saya turut dimaklumkan bahawa bersama kita pada hari ini juga adalah peserta-peserta Kursus Kemahiran Kepada Penjaga atau *Caregivers Coaching* yang dianjurkan oleh ISM. Program ini juga adalah satu bentuk latihan bagi memperkasakan sukarelawan yang bernaung di bawah JKM. **Syabas dan tahniah jua** atas komitmen yang diberikan kalian semua.

## **PELAKSANAAN PROGRAM `VolunteerISM@PAWE` : BENGKEL ASAS KEMAHIRAN KESUKARELAWANAN**

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

8. KPWKM buat masa ini sedang dalam peringkat akhir bagi membentangkan Kajian Diagnostik bagi membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Masa Panjang yang Bersepadu dan Mampan di Malaysia. Dalam kajian tersebut dilaporkan hasil unjuran terhadap populasi Warga Emas di negara ini. Peratus Warga Emas yang melebihi umur 60 tahun ke atas **semakin meningkat dengan drastik**. Dari 1.4 juta Warga Emas berumur 60 tahun pada tahun 2000 bersamaan 6.3% telah meningkat kepada 8% pada tahun 2010, dan 11%, iaitu 3.7 juta

Warga Emas berusia 60 tahun pada tahun 2020. Dijangka negara akan dihuni lebih kurang **5.3 juta Warga Emas iaitu 15.3% pada 10 tahun akan datang.**

9. Justeru, Kerajaan amat memberi perhatian khusus terhadap persediaan berhadapan dengan negara tua pada 2030. Paling hampir dengan Kementerian ini adalah agenda memperkasakan **Pusat Aktiviti Warga Emas atau singkatannya PAWE**. Melalui Belanjawan 2021, Kerajaan telah menaikkan bantuan kewangan tahunan pengendalian PAWE daripada **RM33,330 kepada RM50,000** bagi melaksanakan **program dan aktiviti PAWE** selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif. Malah pada tahun ini juga, sebanyak RM7.15 juta diperuntukkan bagi pengoperasian 143 PAWE di seluruh negara

sebagai tanda komitmen Kerajaan dalam meningkatkan kualiti hidup Warga Emas.

10. Selari dengan hasrat Kerajaan tersebut, KPWKM melalui **Pelan Strategiknya 2021-2025** amat memberi penekanan kepada pembangunan Warga Emas di negara ini. Peruntukan yang diberikan bagi pembangunan fizikal semestinya perlu disokong oleh pembangunan bukan fizikal bagi mengoptimumkan “pulangan pelaburan” kepada Kerajaan. Kombinasi pembangunan sosial sebegini, Insya Allah akan memberi impak dan dampak yang lebih bermakna kepada Kerajaan dan rakyat.

11. Di negara-negara membangun yang berdepan dengan usia penuaan penduduk yang pesat, Warga Emas dianggap sebagai sumber tenaga manusia yang **bernilai tetapi ‘under-utilized’**. Kesatuan Eropah contohnya, menekankan aspek pendayaupayaan kepada Warga Emas agar mereka diaktifkan dalam komuniti dan masyarakat. Asasnya adalah apabila Warga Emas dihimpunkan, didayaupaya dengan ilmu pengetahuan berkongsi sumber dan rangkaian pengalaman satu pembaharuan dan pemberian boleh dilakukan.
12. Kita juga mahukan negara ini mengambil contoh negara-negara maju tersebut. Ini kerana dapatan satu kajian yang menunjukkan hampir **23%** atau **538,000 daripada 2.4 juta** Warga Emas di negara ini mengalami **sindrom sarang kosong iaitu ‘empty nest’**, rasa kesunyian dan sedih akibat tinggal bersendirian dan jauh daripada anak-anak. Kesunyian dan

kemurungan ini memberi kesan kepada kesihatan mereka, serta membataskan kefungsian mereka sebagai anggota masyarakat.

13. Oleh yang demikianlah, Program VolunteerISM@PAWE ini memberi keutamaan yang eksklusif kepada platform PAWE. Ini kerana PAWE beroperasi berteraskan **“Community Based Organisation”** atau **Organisasi Berasaskan Komuniti** yang dikendalikan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) dengan kerjasama strategik KPWKM.
  
14. Pelaksanaan program ini di PAWE akan dapat mengumpulkan Warga Emas yang masih aktif untuk menyumbang, sekaligus mengisi kelomongan rutin kehidupan mereka dengan mengambil semangat **konsep pembelajaran sepanjang hayat**. Dengan adanya konsep pembelajaran sebegini, ia dapat membuka ruang dan peluang kepada

Warga Emas untuk terus berada dalam komuniti dan boleh terus menyumbang pengalaman dan pengetahuan mereka.

## **SEMANGAT KESUKARELAWANAN DALAM KALANGAN WARGA EMAS**

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

15. Modul Kesukarelawanhan dipilih adalah seiring dengan hasrat Kerajaan menuju kesejahteraan dan kemakmuran negara dengan **penglibatan inklusif semua pihak** khususnya dalam pembangunan sosioekonomi. Kerajaan amat memerlukan penglibatan komuniti merentasi pelbagai kumpulan masyarakat bagi menyelaraskan aktiviti-aktiviti sosial yang lebih bermanfaat. Di samping penglibatan bersepadu ini dapat membantu kecekapan dan kelancaran penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

16. Konsep memperkasa budaya kesukarelawanian ini memberi makna yang cukup luas kerana ia memberi fokus kepada pembangunan komuniti. Pemahaman mendalam terhadap konsep kesukarelawanian mampu mengoptimumkan tahap kesedaran serta mendorong seseorang individu untuk tampil ke hadapan bagi memikul tanggungjawab sosial dan seterusnya memberi impak positif terhadap kebajikan dan pembangunan masyarakat
17. Justeru, program ini turut bermatlamat untuk **menyemarakkan perkembangan semangat kesukarelawanian yang lebih tersusun dan berkesan** dalam kalangan masyarakat. Latihan yang diberikan selama 3 hari ini antaranya amat memfokuskan agar peserta dapat

menghayati falsafah, etika kerja, matlamat, prinsip dan definisi kesukarelawan itu sendiri.

18. Selain itu, latihan ini juga dapat memberi kefahaman kepada peserta tentang hak-hak, peranan, tanggungjawab serta syarat-syarat dan persediaan yang diperlukan untuk menjadi sukarelawan yang efektif. Saya juga difahamkan sepanjang bengkel ini, peserta dilatih untuk mengenal diri, memahami komuniti dan persekitaran serta cabaran-cabaran yang harus dihadapi dan bagaimana menanganinya. Ilmu dan pemahaman ini akan dapat merangsang peserta untuk menyumbang bakti kepada masyarakat dengan lebih komited.
19. Tuntasnya, latihan yang diberikan ini bukan hanya semata-mata untuk menjadikan anggota PAWE sebagai sukarelawan. Namun saya percaya

pendedahan latihan kesukarelawan kepada Warga Emas di PAWE ini dapat melancarkan lagi proses pemerkasaan komuniti menerusi penglibatan aktif ahli komuniti secara sukarela untuk kesejahteraan bersama. Mekanisme ini bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk memantapkan lagi perkhidmatan berbentuk *community for community* (K4K) bagi tujuan membina integrasi sosial dalam kalangan komuniti setempat secara holistik.

## HARAPAN

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

20. Saya difahamkan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, ISM telah melatih sebanyak lebih kurang **4,038 orang sukarelawan**. Saya kira

jumlah ini jika dibandingkan dengan statistik rakyat Malaysia pada tahun 2020 yang berjumlah 32.7 juta adalah masih kecil. Justeru, saya menyeru agar semua pihak perlu mengambil peluang untuk menghadiri latihan-latihan yang dikendalikan ISM. Jika hendak dibandingkan latihan “soft skill” daripada agensi-agensi di luar sana, ISM menawarkan pakej latihan yang amat amat munasabah mengambil kira teras perkhidmatan Kerajaan yang amat menekankan kepada pembangunan kapasiti rakyatnya.

21. Oleh yang demikian, sebagai sebuah institusi kecemerlangan dalam bidang sosial, mewakili KPWKM, ISM perlu memantapkan lagi usaha-usaha memberi latihan dan bimbingan dalam bidang sukarelawan kepada komuniti dengan melebarkan lagi jaringan kerjasama khususnya dengan agensi-agensi di negeri. Tambahan pula, ISM

mempunyai kekuatannya sebagai Pusat Bertauliah bagi penawaran kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang signifikan bagi kerja sosial dan sukarelawan ini.

22. Saya juga berharap latihan sukarelawan ini tidak terhenti setakat di sini sahaja. Ukuran kejayaan bagi sesbuah proses pembelajaran adalah bila mana para peserta dapat memanfaatkan ilmu teori ke dalam lapangan. Semoga ilmu kesukarelawanan yang telah dipelajari ini dapat diperaktikkan dalam komuniti. Paling penting, latihan seperti ini dapat menjadikan Warga Emas sebagai wakil dan pembimbing masyarakat yang mempunyai jati diri kepimpinan dalam menangani cabaran dan mampu meluaskan jaringan kesukarelawanan dalam kalangan komuniti setempat.

23. ***“Ke bukit, bersama kita daki, ke lurah bersama kita turuni;*** Insya Allah, pertolongan serta bantuan yang kita hulurkan dengan sukarela dan penuh keikhlasan, ganjarannya cukup besar di sisi Allah SWT dan bakal menjadi bekalan buat kita di akhirat kelak.
24. Saya juga menyeru agensi-agensi KPWKM juga turut memantapkan usaha memperkasakan lagi inisiatif berkaitan Warga Emas ini kerana setiap dari kita akan menempuh usia Warga Emas. Usaha pembangunan kapasiti yang turut melibatkan Warga Emas adalah inisiatif yang amat saya hargai. Moga usaha ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang seiring dengan hala tuju KPWKM yang menerajui keprihatinan dalam menyantuni pelbagai kelompok kumpulan sasar di negara ini.

25. Dengan takzim dan rendah diri dengan lafaz “Bismillahirrahmanirrahim”, saya dengan ini merasmikan Pelancaran **Program VolunteerISM@PAWE: Bengkel Kemahiran Asas Kesukarelawanan** yang dianjurkan oleh Institut Sosial Malaysia bermula dari **6 hingga 8 April 2021**, dan akan dilanjutkan di PAWE- PAWE di negeri-negeri lain mewakili zon-zon sepanjang tahun 2021.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum WBT.  
Terima kasih.

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN**

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**9 APRIL 2021**